



**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN IBADAH QURBAN DAN AQIQA
DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) DAN
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD)
BAGI NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN
1442H / 2021M**

KANDUNGAN

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN IBADAH QURBAN DAN AQIQAH DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) DAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) BAGI NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN 1442H / 2021M

- 1. TUJUAN.**
- 2. LATAR BELAKANG.**
- 3. PANDUAN MELAKSANAKAN IBADAH QURBAN DAN AQIQAH.**
- 4. KAEDAH PELAKSANAAN.**
 - 4.1 Sebelum Pelaksanaan Ibadah Qurban dan Aqiqah.**
 - 4.2 Semasa Pelaksanaan Ibadah Qurban dan Aqiqah.**
 - 4.3 Selepas Pelaksanaan Ibadah Qurban dan Aqiqah.**
- 5. PANDUAN JADUAL PELAKSANAAN IBADAH QURBAN DAN AQIQAH MENGIKUT KAWASAN PKP DAN PKPD BAGI NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN 1442H / 2021M.**
- 6. LAKARAN LOKASI PELAKSANAAN IBADAH QURBAN DAN AQIQAH 1442H / 2021M.**
- 7. CARTA ALIR PELAKSANAAN IBADAH QURBAN DAN AQIQAH 1442H / 2021M.**
- 8. PENUTUP.**

1. TUJUAN

Garis Panduan Pelaksanaan Ibadah Qurban dan Aqiqah 1442H / 2021M dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) ini disediakan untuk panduan umat Islam di Negeri Perak berhubung garis panduan dan cara melaksanakan ibadah qurban dan aqiqah dalam tempoh PKP dan PKPD.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Selari dengan pengisytiharan perintah kawalan oleh pihak kerajaan bagi mencegah penularan Covid-19 yang masih tinggi sehingga kini, kerajaan telah memutuskan penguatkuasaan PKP dan PKPD di beberapa lokasi yang telah dikenalpasti.
- 2.2 Berikutan sambutan Hari Raya Aidiladha / Qurban yang akan disambut oleh umat Islam pada 10 - 13 Zulhijjah 1442H, yang jatuh dalam tempoh perintah kawalan tersebut maka satu Garis Panduan Pelaksanaan Ibadah Qurban dan Aqiqah 1442H / 2021M disediakan bagi mengawal dan mengurangkan risiko penularan wabak COVID-19.

3. PANDUAN MELAKSANAKAN IBADAH QURBAN DAN AQIQAH

Selaras dengan ketetapan kerajaan dalam pelaksanaan perintah kawalan tersebut tanpa mengabaikan aspek keselamatan dan kesihatan, berikut merupakan Garis Panduan Pelaksanaan Ibadah Qurban dan Aqiqah 1442H / 2021M untuk dipatuhi oleh semua umat Islam dalam Negeri Perak.

3.1 Tempat Penyembelihan.

Tidak dibenarkan melakukan penyembelihan qurban dan aqiqah di mana-mana tempat kecuali:-

- a. Rumah Sembelih Negeri Perak (Abatoir) Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV). (Lampiran A)
(Pihak jawatankuasa kariah atau surau dan jawatankuasa qurban adalah **digalakkan** untuk menggunakan perkhidmatan di Rumah Sembelih Negeri Perak (Abatoir).
- b. Perkarangan masjid atau surau.
- c. Premis-premis yang dibenarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV).

3.2 Tarikh dan Masa.

3.2.1 10 Zulhijjah 1442H

Sesi 1: 9.00 pagi – 12.00 tengahari

Sesi 2: 2.00 petang – 6.00 petang

3.2.2 11, 12 dan 13 Zulhijjah 1442H.

Sesi 1 : 8.00 pagi – 12.00 tengahari

Sesi 2 : 2.00 petang – 6.00 petang

- 3.3 Tidak dibenarkan mana-mana agensi atau individu melaksanakan ibadah qurban dan aqiqah melainkan dengan kerjasama pengerusi jawatankuasa kariah atau surau untuk tindakan selanjutnya serta tertakluk kepada garis panduan yang telah ditetapkan.

4. KAEDAH PELAKSANAAN

BIL	PERKARA	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB
4.1	Sebelum Pelaksanaan Ibadah Qurban dan Aqiqah	a. Pihak jawatankuasa kariah atau surau dan jawatankuasa qurban hendaklah membuat permohonan terlebih dahulu kepada Pejabat Pentadbiran Agama Islam Daerah. (Lampiran B) b. Pihak jawatankuasa kariah atau surau dan jawatankuasa qurban hendaklah terlebih dahulu membuat semburan sanitasi di lokasi sehari sebelum pelaksanaan qurban dan aqiqah. c. Pihak jawatankuasa kariah atau surau dan jawatankuasa qurban perlu menyediakan buku rekod kehadiran bagi mencatat nama dan nombor telefon petugas di pintu masuk ke lokasi. d. Pihak jawatankuasa kariah atau surau dan jawatankuasa qurban perlu memastikan petugas yang mempunyai suhu badan 37.5 darjah celcius ke atas tidak dibenarkan berada di lokasi. e. Pihak Jawatankuasa kariah atau surau dan jawatankuasa qurban hendaklah menyediakan hand sanitizer yang mengandungi <i>Sodium Hypochlorite 5% atau Ethanol 70%</i> berdasarkan Garis Panduan Covid-19 serta pelitup muka (mask) dan sarung tangan (glove) kepada semua petugas di lokasi. f. Jawatankuasa kariah atau surau dan jawatankuasa qurban hendaklah memastikan tiada petugas yang disahkan positif Covid-19 atau yang baru sembuh Covid-19 atau termasuk dalam kategori	Jawatankuasa kariah atau surau dan jawatankuasa qurban

4.1	Sebelum Pelaksanaan Ibadah Qurban dan Aqiqah	Person Under Investigation (PUI) atau Person Under Surveillance (PUS) hadir ke lokasi. g. Hanya satu laluan masuk dan keluar ke lokasi sahaja yang dibenarkan. Lain-lain laluan masuk dan keluar hendaklah ditutup. h. Tidak dibenarkan membuka atau menggunakan ruang solat semasa dan selepas ibadah qurban dan aqiqah. (Tertakluk kepada PEKELILING PELAKSANAAN AKTIVITI KEAGAMAAN DI MASJID DAN SURAU NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN). i. Tiada sebarang aktiviti memasak dan jamuan kenduri dilakukan di lokasi. (Hanya makanan dan minuman ringan dalam bentuk bungkusan dibenarkan untuk petugas sahaja).	Jawatankuasa kariah atau surau dan jawatankuasa qurban
		a. Peserta qurban dan aqiqah hendaklah membuat wakalah qurban dan aqiqah kepada pihak jawatankuasa kariah atau surau dan jawatankuasa qurban pada masa membuat pembayaran.	Peserta Qurban dan Aqiqah
		a. Petugas hendaklah berumur tidak kurang daripada 18 tahun serta sihat tubuh badan sahaja dibenarkan hadir ke lokasi. b. Hanya warganegara Malaysia sahaja dibenarkan bertugas dan berada di lokasi. c. Petugas hendaklah mematuhi jarak fizikal sekurang-kurangnya satu (1) meter dengan petugas yang lain semasa berada di lokasi.	Petugas Qurban dan Aqiqah

4.2	Semasa Pelaksanaan Ibadah Qurban dan Aqiqah	A. PERSIAPAN DI TEMPAT PENYEMBELIHAN a. Pihak jawatankuasa kariah atau surau dan jawatankuasa qurban hendaklah menentukan satu kawasan di perkarangan masjid atau surau sebagai lokasi pelaksanaan ibadah qurban dan aqiqah serta hendaklah meletakkan pita penghadang (<i>Barricade Tape</i>) di kawasan tersebut. Hanya petugas sahaja yang dibenarkan berada dalam kawasan berkenaan. b. Minimum jarak antara setiap haiwan adalah 5 meter. B. PENENTUAN BILANGAN PETUGAS 1. Bahagian menyembelih dan melapah: • Setiap ekor lembu / kerbau qurban dan aqiqah hendaklah diuruskan oleh:- Penyembelih = satu (1) orang. Pembantu = tidak melebihi lapan (8) orang. • Setiap ekor kambing qurban dan aqiqah hendaklah diuruskan oleh:- Penyembelih = satu (1) orang. Pembantu = tidak melebihi dua (2) orang. 2. Bahagian memotong, menimbang dan membungkus: • Proses tersebut hendaklah tidak melebihi sepuluh (10) orang petugas serta mematuhi jarak fizikal yang telah ditetapkan.	Jawatankuasa kariah atau surau dan jawatankuasa qurban
-----	---	--	--

4.2	Semasa Pelaksanaan Ibadah Qurban dan Aqiqah	3. Bahagian mengagih dan mengedar: • Peserta Qurban dan Aqiqah. Peserta qurban dan aqiqah atau wakil dibenarkan untuk mengambil bahagiannya pada masa dan di lokasi yang akan ditetapkan oleh pihak jawatankuasa kariah atau surau dan jawatankuasa qurban setelah selesai proses menimbang dan membungkus. • Orang awam. Orang awam tidak dibenarkan untuk hadir mengambil bungkusan qurban dan aqiqah. Agihan akan diatitkan dan diedarkan oleh pihak jawatankuasa kariah atau surau dan jawatankuasa qurban kepada penerima. *Bagi setiap sesi, jumlah petugas hendaklah tidak melebihi : - Kawasan PKP = 20 Orang termasuk ahli jawatankuasa kariah atau surau dan jawatankuasa qurban. * Peserta qurban dan aqiqah serta ahli keluarga tidak dibenarkan untuk berada di lokasi qurban dan aqiqah kecuali jika disenaraikan sebagai petugas.	Jawatankuasa kariah atau surau dan jawatankuasa qurban
-----	--	--	---

4.2	Semasa Pelaksanaan Ibadah Qurban dan Aqiqah	C. MASA DAN BILANGAN HAIWAN QURBAN DAN AQIQA HARI PERTAMA (10 Zulhijjah 1442H) (Bagi Lembu / Kerbau) Sesi 1: 9.00 pg– 12.00 tgh = Maksimum 4 ekor Sesi 2: 2.00 ptg – 6.00 ptg = Maksimum 5 ekor (Bagi Kambing) Sesi 1 : 9.00 pg – 12.00 tgh = Maksimum 6 ekor Sesi 2 : 2.00 ptg – 6.00 ptg = Maksimum 8 ekor HARI KEDUA, KETIGA DAN KEEMPAT (11,12 dan 13 Zulhijjah 1442H) (Bagi Lembu / Kerbau) Sesi 1 : 8.00 pg – 12.00 tgh = Maksimum 5 ekor Sesi 2 : 2.00 ptg – 6.00 ptg = Maksimum 5 ekor (Bagi Kambing) Sesi 1 : 8.00 pg – 12.00 tgh = Maksimum 8 ekor Sesi 2 : 2.00 ptg – 6.00 ptg = Maksimum 8 ekor	Jawatankuasa kariah atau surau dan jawatankuasa qurban
-----	---	--	--


4.3	Selepas Pelaksanaan Ibadah Qurban dan Aqiqah.	PROSES MENGEMAS DAN MEMBERSIH i. Pihak jawatankuasa kariah atau surau dan jawatankuasa qurban hendaklah memastikan petugas membersihkan kawasan pelaksanaan qurban dan aqiqah dengan kadar segera. ii. Sisa dan bahan buangan yang tidak digunakan hendaklah ditanam di tempat yang telah ditetapkan dengan mematuhi peraturan yang telah ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV). (Rujuk Garis Panduan Penyembelihan Ternakan Korban di laman sesawang http://www.dvs.gov.my). iii. Pihak jawatankuasa kariah atau surau dan jawatankuasa qurban hendaklah membuat semburan sanitasi di lokasi setelah selesai setiap sesi pelaksanaan ibadah qurban dan aqiqah. iv. Pihak jawatankuasa kariah atau surau dan jawatankuasa qurban hendaklah menyediakan tong sampah khas untuk pembuangan pelitup muka (mask) dan sarung tangan (glove) yang telah digunakan.	Jawatankuasa kariah atau surau dan jawatankuasa qurban
-----	--	--	---

**5. PANDUAN JADUAL PELAKSANAAN IBADAH QURBAN DAN AQIQAH MENGIKUT KAWASAN
PKP DAN PKPD
BAGI NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN 1442H / 2021M**


PERKARA	PKP		PKPD
Bilangan haiwan sembelihan	HARI PERTAMA (10 Zulhijjah 1442H) (Bagi Lembu / Kerbau) Sesi 1: Maksimum 4 ekor Sesi 2: Maksimum 5 ekor (Bagi Kambing) Sesi 1 : Maksimum 6 ekor Sesi 2 : Maksimum 8 ekor	HARI KEDUA, KETIGA DAN KEEMPAT (11, 12 dan 13 Zulhijjah 1442H) (Bagi Lembu / Kerbau) Sesi 1 : Maksimum 5 ekor Sesi 2 : Maksimum 5 ekor (Bagi Kambing) Sesi 1 : Maksimum 8 ekor Sesi 2 : Maksimum 8 ekor	
Masa penyembelihan	HARI PERTAMA (10 Zulhijjah 1442H) (Bagi Lembu / Kerbau) Sesi 1: 9.00 pg – 12.00 tgh Sesi 2: 2.00 ptg – 6.00 ptg (Bagi Kambing) Sesi 1 : 9.00 pg – 12.00 tgh Sesi 2 : 2.00 ptg – 6.00 ptg	HARI KEDUA, KETIGA DAN KEEMPAT (11, 12 dan 13 Zulhijjah 1442H) (Bagi Lembu / Kerbau) Sesi 1 : 8.00 pg – 12.00 tgh Sesi 2 : 2.00 ptg – 6.00 ptg (Bagi Kambing) Sesi 1 : 8.00 pg – 12.00 tgh Sesi 2 : 2.00 ptg – 6.00 ptg	

Bilangan petugas	Bagi setiap sesi, jumlah petugas hendaklah tidak melebihi 20 orang termasuk ahli jawatankuasa kariah atau surau dan jawatankuasa qurban.	
Tempat penyembelihan	Tidak dibenarkan melakukan penyembelihan qurban dan aqiqah di mana-mana tempat kecuali:- i. Rumah Sembelih Negeri Perak (Abatoir) Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV). (Lampiran A) Pihak jawatankuasa kariah atau surau dan jawatankuasa qurban adalah digalakkan untuk menggunakan perkhidmatan di Rumah Sembelih Negeri Perak (Abatoir). ii. Perkarangan masjid atau surau. iii. Premis-premis yang dibenarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV).	
Pelaksanaan ibadah qurban dan aqiqah oleh agensi atau individu	Tidak dibenarkan mana-mana agensi atau individu melaksanakan ibadah qurban dan aqiqah melainkan dengan kerjasama pengerusi jawatankuasa kariah atau surau untuk tindakan selanjutnya serta tertakluk kepada garis panduan yang telah ditetapkan.	

6. LAKARAN LOKASI PELAKSANAAN IBADAH QURBAN DAN AQIQAH 1442H / 2021M



7. CARTA ALIR PELAKSANAAN IBADAH QURBAN DAN AQIQAH 1442H / 2021M.



- Pengurus qurban dan aqiqah perlu melengkapkan semua maklumat yang diperlukan dengan memuat turun borang kebenaran dari laman web rasmi JAIPK <http://jaipk.perak.gov.my>.
- Pengurus qurban dan aqiqah menghantar dokumen yang telah lengkap ke Pejabat Agama Islam Daerah masing-masing bagi mendapatkan kebenaran.
- Semakan dan keputusan oleh Pegawai Tadbir Agama Daerah (PTA).
- Pengurus qurban dan aqiqah perlu mendapatkan borang kebenaran yang telah ditandatangani oleh PTA dan mengemukakan ke Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah.
- Pegawai Veterinar memberi kelulusan dan permit sembelih. (Pengurus qurban dan aqiqah hendaklah membuat bayaran mengikut bilangan haiwan qurban).
- Ibadah qurban dan aqiqah dilaksanakan mengikut ketetapan garis panduan yang telah ditetapkan.

8. PENUTUP

Adalah diharapkan dengan pelaksanaan dan pematuhan Garis Panduan Pelaksanaan Ibadah Qurban dan Aqiqah 1442H / 2021M dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) bagi Negeri Perak ini akan dapat membantu usaha mengawal penularan COVID-19.

“PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

DATO' HAJI MOHD YUSOP BIN HAJI HUSIN

Pengarah

Jabatan Agama Islam Perak

24 Jun 2021 M

13 Zulkaedah 1442 H

SENARAI RUMAH SEMBELIH NEGERI PERAK

KOMPLEKS ABATOIR IPOH

Km 4.5 Jalan Lahat

Mengelembu

31450 IPOH

PERAK

Nombor Telefon : 05-2821019

Nombor Faks : 05-2821019

Lokasi GPS : 4.569415, 101.0601

KOMPLEKS ABATOIR TAIPING

Jalan Pokok Assam

34000 TAIPING

PERAK

Nombor Telefon : 05-8074611

Nombor Faks : 05-8074611

Lokasi GPS : 4.836187, 100.7451

KOMPLEKS ABATOIR TAPAH

Jalan Chenderiang

Batang Padang

35300 TAPAH

PERAK

Nombor Telefon : 05-4161794

Nombor Faks : 05-4161194

Lokasi GPS : 4.248245, 101.2341

KOMPLEKS ABATOIR TELUK INTAN

Km 14, Jalan Teluk Intan-Lumut

36000 TELUK INTAN

PERAK

Nombor Telefon : 05-6221693

Nombor Faks : 05-6219937

Lokasi GPS : 3.988708, 100.9528



**BORANG PERMOHONAN KEBENARAN IBADAH QURBAN DAN AQIQAH 1442H / 2021M
DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)
NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN**

PERHATIAN

1. Pemohon mestilah terdiri daripada pengerusi / setiausaha jawatankuasa kariah atau surau.
2. Permohonan yang telah dibenarkan oleh pihak Pegawai Tadbir Agama Daerah, perlu dibawa ke Jabatan Perkhidmatan Veterinar bagi mendapatkan permit sembelih.
3. Tarikh **TUTUP** permohonan adalah pada **9 Julai 2021 (Jumaat)**.

Nama Pemohon : No. Kad Pengenalan:

Alamat :

No. Telefon :

1. Kawasan tempat ibadah qurban dan aqiqah yang dipohon. (Sila tandakan (/) pada kotak yang berkenaan).

1.1 Masjid

1.2 Surau

1.3 Lain-lain (Sila nyatakan) : _____

2. Alamat tempat ibadah qurban dan aqiqah :

3. Bilangan haiwan qurban dan aqiqah : ekor.

4. Jenis haiwan qurban dan aqiqah :

4.1 Lembu

4.2 Kerbau

4.3 Kambing

4.4 Lain-lain (Sila nyatakan) : _____

5. Nama dan alamat pengusaha haiwan qurban dan aqiqah :

6. No. telefon pengusaha haiwan qurban dan aqiqah : _____

7. Nama dan alamat pembekal haiwan qurban dan aqiqah :

8. No. telefon pembekal haiwan qurban dan aqiqah : _____

9. Premis / lokasi terkini ternakan: _____

10. Tarikh sembelihan :

10 Zulhijjah 1442H

11 Zulhijjah 1442H

12 Zulhijjah 1442H

13 Zulhijjah 1442H

Sesi: Pagi

Pagi

Pagi

Pagi

Petang

Petang

Petang

Petang

Tandatangan pengerusi / setiausaha jawatankuasa kariah atau surau,

.....
()

Tarikh:

Cop rasmi:

SENARAI NAMA PETUGAS IBADAH QURBAN DAN AQIQA 1442H / 2021M

TARIKH:

SESI :

BIL	NAMA	NO TELEFON	ALAMAT

Disahkan,

.....
(Nama :)
Pegawai Tadbir Agama Islam
Daerah

SENARAI NAMA PETUGAS IBADAH QURBAN DAN AQIQAH 1442H / 2021M

TARIKH:

SESI :

BIL	NAMA	NO TELEFON	ALAMAT

Disahkan,

.....
(Nama :

)

Pegawai Tadbir Agama Islam

Daerah

**SENARAI NAMA AHLI JAWATANKUASA IBADAH QURBAN DAN AQIQAH
1442H / 2021M**

TARIKH:

SESI :

BIL	NAMA	NO TELEFON	ALAMAT

Disahkan,

.....

(Nama :)

Pegawai Tadbir Agama Islam

Daerah

SENARAI NAMA PESERTA IBADAH QURBAN DAN AQIQAH 1442H / 2021M

TARIKH:

SESI :

BIL	NAMA	NO TELEFON	ALAMAT

Disahkan,

.....

(Nama :)

Pegawai Tadbir Agama Islam

Daerah



JABATAN AGAMA ISLAM PERAK

**PERMOHONAN KEBENARAN MELAKSANAKAN IBADAH QURBAN DAN AQIQAH
1442H / 2021M**

Kepada,

.....
.....
.....

Tuan,

**PERMOHONAN KEBENARAN MELAKSANAKAN IBADAH QURBAN DAN AQIQAH
1442H / 2021M DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) NEGERI
PERAK DARUL RIDZUAN.**

Merujuk kepada permohonan tuan berkaitan perkara di atas bertarikh
.....

2. Dimaklumkan bahawa permohonan tuan **DIBENARKAN / TIDAK DIBENARKAN.**
3. Sehubungan dengan itu, pihak tuan dikehendaki mematuhi Garis Panduan Pelaksanaan Ibadah Qurban dan Aqiqah 1442H / 2021M oleh pihak Jabatan Agama Islam Perak serta peraturan-peraturan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menjalankan amanah,

.....
()

Pegawai Tadbir Agama Islam

Daerah:

Tarikh:

s.k Pejabat Kesihatan Daerah

Ketua Balai Polis (yang berdekatan)

“SEJAHTERA RAKYAT PERAK DARUL RIDZUAN”